



مجلس دائره كوالا پيله
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

TAWARAN SEBUT HARGA

Tarikh: 18 Oktober 2023

Tawaran adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred G2 di bawah tajuk yang bersesuaian dan berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah Tahun 2023 bagi menyertai sebutharga bagi kerja-kerja di bawah:-

Bil	Rujukan MDKP	No. Sebut harga	Projek	Gred & Pengkhususan	Tarikh Tutup /Jam	Harga Dokumen
1.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -078	S025/2023	MENAIK TARAF TEMPAT LETAK KENDERAAN DI DATARAN KUALA PILAH, MD KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE01 & CE21	31 Oktober (Selasa) 2023 @ 12.00 t/hari	RM 50.00
2.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -079	S026/2023	MENAIK TARAF LONGKANG DI TAMAN PILAH SENALING, KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE21		
3.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -080	S027/2023	MENAIK TARAF PASAR AWAM TANJONG IPOH, MD KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE01 & CE21		
4.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -082	S029/2023	MENAIK TARAF LONGKANG DI TAMAN PUTRA, MD KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE21		
5.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -083	S030/2023	MENAIK TARAF TEMPAT MELETAK KENDERAAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI RNR ULU BENDUL, MD KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE01 & CE21		
6.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -084	S031/2023	MEMBAIKI SERTA MENAIK TARAF KEMUDAHAN AWAM SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI MINI STADIUM, MD KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE01 & CE21		

7.	MDKP.NS 04.400-7/2023 -087	S034/2023	MENAIK TARAF TAMAN PERMAINAN KANAK- KANAK SERTA LAIN- LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN REKREASI JALAN BUKIT, MD KUALA PILAH	Kategori : CE Pengkhususan CE01 & CE21	31 Oktober (Selasa) 2023 @ 12.00 t/hari	RM 50.00
----	----------------------------------	-----------	---	--	--	-----------------

2.0 **Lawatan Tapak:**

- Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah sahaja layak menyertai lawatan tapak

Tarikh : 23hb Oktober 2023 (Isnin)
Pendaftaran : 10.00 pagi -10.30pagi
Tempat : Dewan Bandaran MDKP.
Taklimat : 10.00 pagi.

3.0 **Syarat:**

- 3.1 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) sahaja layak menyertai sebutharga. Semakan pendaftaran perlu dilaksanakan sebelum pembelian Borang Sebutharga.
- 3.2 Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **PEMILIK** syarikat/ kontraktor yang hadir untuk sesi pendaftaran pada tarikh yang telah ditetapkan. **HANYA PEMILIK SYARIKAT sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi pendaftaran tersebut dan wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN**
- 3.3 Hendaklah membawa sijil-sijil asal SSM, CIDB dan PKK semasa lawatan tapak dan dipamerkan ketika pembelian borang di kaunter MDKP.
- 3.4 Hendaklah membawa cop syarikat bagi memudahkan pengisian borang.
- 3.5 **Permohonan Kebenaran Khas** untuk menyertai sebut harga di luar kod bidang adalah **tidak dibenarkan**
- 3.6 **PEMALSUAN BUTIRAN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen Berkaitan seperti SPKK (CIDB),PKK (CIDB),STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TIDAK LAYAK /TERBATAL** dan laporan kepada CIDB akan dibuat untuk tindakan undang-undang.
- 3.7 Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Majlis Daerah Kuala Pilah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan,kelewatan dan MDKP tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran.

4.0. **Dokumen Sebutharga**

- 4.1 **Harga dokumen sebutharga bagi Gred G2 dijual dengan kadar: RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja).**
- 4.2 Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Hasil, MDKP mulai **25hb Oktober 2023 (Rabu) sehingga 30hb Oktober 2023 (Isnin)** pada pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

5.0. **Tarikh Tutup:**

31hb Oktober 2023 (Selasa) jam 12.00 tengah hari. Sebutharga hendaklah disertai dengan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan SSM yang masih sah, serta dimasukkan ke dalam peti tender Majlis Daerah Kuala Pilah.

6.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga yang berpatutan.

7.0 Kerjasama dan penyertaan tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FAIZAL BIN ABD. MANAP)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Kuala Pilah